



**SiStera in Islam**



## **STATISTIK DAN DAPATAN TELENISA 2023**

**TELENISA STATISTICS AND FINDINGS 2023**

**DISOKONG OLEH:  
SUPPORTED BY:**



**FRIEDRICH NAUMANN  
FOUNDATION** For Freedom.



**YAYASAN**

# **DITERBITKAN OLEH**

*Published by:*

**SIS Forum (Malaysia) - Sisters in Islam**

No.4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

*(Any part of this publication may be copied, reproduced, adapted, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means to meet local needs, without the intention of gaining material profits and without permission from Sisters in Islam. All forms of copies, reproductions, adaptation and translation through mechanical, electrical or electronic means should acknowledge Sisters in Islam and the authors as the sources. A copy of any reproduction, adaptation or translation should be sent to Sisters in Islam.)*

# ISI KANDUNGAN CONTENTS

## 01

### KLIEN KAMI & OUR CLIENT

Demografi Klien <i>Client Demographics</i>	1
Jantina <i>Gender</i>	3
Kaedah Komunikasi <i>Method of Communications</i>	3
Lokasi <i>Location</i>	5
Pekerjaan <i>Occupation</i>	6
Pendapatan Isi Rumah <i>Household Income</i>	8
Bantuan Yang Diminta <i>Requested Assistance</i>	10
Akses Ke Pengadilan <i>Access to Justice</i>	11
Status Perkahwinan <i>Marital Status</i>	15

# ISI KANDUNGAN CONTENTS

## 02

Penglibatan Perkahwinan Poligami  
*Involvement in Polygamous Marriage* **17**

Isu Berkaitan Tentang Perkahwinan  
Poligami  
*Issues Concerning Polygamous  
Marriage* **19**

### **HAK ISTERI & RIGHTS OF THE WIFE**

Pertanyaan Berkaitan Perceraian  
*Divorce Inquiries* **21**

Punca Perceraian  
*Grounds for Divorce* **22**

Isu-Isu Berkaitan Hak Isteri  
*Issues Relating to Wife Rights* **24**

Isu-Isu Berkaitan Nafkah Isteri  
*Issues Regarding Wife Maintenance* **26**

Cabaran Perempuan Untuk  
Menuntut Nafkah  
*Challenges Women Face to  
Claim Maintenance* **30**

# ISI KANDUNGAN CONTENTS

## 03

### HAK ANAK & RIGHTS OF THE CHILD

Umur Anak <i>Child Age</i>	36
Isu-Isu Berkaitan Kanak-Kanak <i>Children's Issues</i>	37
Isu-Isu Berkaitan Nafkah Anak <i>Issues Regarding Child Maintenance</i>	39
Isu Berkaitan Hak Jagaan Anak <i>Issue Related to Child Custody</i>	41
Nafkah Anak <i>Child Maintenance</i>	45

#### Special Recommendations

#### Maintenance and Divorce Issues : a Detailed Analysis

Detailed Analysis of Issues Faced by Our Clients	49
Maintenance Claims	50

#### Special Recommendations

#### Recommendations for Addressing Maintenance Issues

Recommendations for a Child Maintenance / Support Agency:	52
Bagaimana Anda Boleh Membantu? <i>How Can You Help?</i>	57

# Sisters in Islam



@officialSIS



@telenisa.sis



@sistersinislam.my



@telenisa



@SistersInIslam



@telenisa\_sis



@SistersInIslamMYS



@Sistersinislam.my



## **PENULIS WRITER**

: Syafiqah Fikri Abazah

## **PENYELIA REVIEWERS**

: Dara Waheda, Ameena Siddiqi &  
Syarifatul Adibah

## **REKA BENTUK DESIGNER**

: Ahmad Firdaus

# INTRODUCTION

*In Malaysia, women continue to encounter significant challenges, especially in navigating the Syariah court system for maintenance, divorce, and child custody cases. Telenisa's data comparison from 2021 to 2023 reveals the four leading grounds for divorce, with domestic violence being the most prevalent in 2023, accounting for 20%. This pattern of abusive behaviour aims to control a partner, causing various forms of stress, violating human rights, and severely impacting women's lives. The second major cause is husbands' failure to provide maintenance, at 19%, consistently ranking among the top divorce reasons since 2021. Communication breakdowns, the third highest cause at 17%, have decreased from 31% in 2022. Infidelity, at 12%, has slightly declined from 13% in 2022.*

*Complex bureaucratic processes, difficulties in obtaining evidence, and lack of societal support make the legal journey stressful and daunting, especially for those without legal representation or dealing with uncooperative spouses. Societal stigma further deters women from seeking justice. Financial constraints leave 99% of Telenisa clients without legal representation, forcing them to manage intricate legislative procedures alone. High costs of experienced Syariah lawyers, coupled with limited resources from the government and NGOs, exacerbate the situation.*

*The technical nature of court procedures and challenges in gathering evidence, especially in cases of domestic violence, maintenance, infidelity, and communication failures, complicate the process. Geographic separation and filing inconveniences add to the burden, while emotional and psychological effects from prolonged court trials strain the well-being of involved parties, particularly children. These cumulative issues highlight the urgent need for accessible legal support and streamlined processes in Syariah courts.*

*These statistics and findings 2023, aim to provide all stakeholders with a clearer understanding of the current situation. We hope these and our special recommendations will prompt both structural and legal changes to improve the circumstances for Muslim women in Malaysia.*



01

**KLIEN KAMI**

*OUR CLIENTS*




## DEMOGRAFI KLIEN

Pada tahun 2023, Telenisa telah menyediakan perkhidmatan kepada 459 orang klien. Ini merupakan satu peningkatan daripada jumlah 431 yang kami terima pada 2022. Telenisa telah menerima 358 klien baru pada tahun 2023 selain 101 orang merupakan klien berulang yang kembali untuk mendapatkan perkhidmatan nasihat kami.

### CLIENT DEMOGRAPHICS

*In 2023, Telenisa provided services to a total of 459 clients. This is an increase from the total of 431 clients we had in 2022. Telenisa received 358 clients in 2023, 101 of them were returning clients who sought our services once again.*

### **Jumlah Klien / Total Clients**




## JANTINA

Sebahagian besar klien adalah perempuan iaitu seramai 427 orang (93%) manakala 32 orang klien (7%) adalah lelaki.

## GENDER

*In 2023, Telenisa provided services to a total of 459 clients. This is an increase from the total of 431 clients we had in 2022. Telenisa received 358 clients in 2023, 101 of them were returning clients who sought our services once again.*




## KAEDAH KOMUNIKASI

Secara majoritinya, seramai 340 orang klien (74%) telah menghubungi Telenisa melalui telefon, terutamanya melalui panggilan suara dan pesanan teks WhatsApp. Ini diikuti oleh klien yang menghubungi kami melalui e-mel seramai 67 orang klien (15%), melalui Facebook seramai 28 orang klien (6%) dan 24 orang klien (5%) datang ke pejabat Telenisa untuk sesi rundingan secara bersemuka.

## METHOD OF COMMUNICATION

The majority of the clients, totaling 340 (74%), contacted Telenisa via the telephone, particularly through voice calls and text messages on WhatsApp. This is followed by 67 (15%) clients communicated via email, 28 (6%) clients contacted us via Facebook and the remaining 24 (5%) clients came to our office and met us in person.

## **KAEDAH KOMUNIKASI / METHOD OF COMMUNICATION**



---

## LOKASI

Data lokasi yang telah dikumpulkan menunjukkan 99% (456) daripada klien kami menetap di Malaysia, sementara 3 orang klien (1%) menghubungi kami dari luar negara. Sebanyak 67 (309) klien berpusat di Lembah Klang, di mana 200 orang menetap di Selangor, diikuti Kuala Lumpur dengan 105 klien dan Putrajaya dengan 4 klien.


Sebanyak 33% (147 orang) menetap di negeri-negeri lain di Malaysia, termasuk juga di luar negara. Seramai 44 orang klien datang dari negeri Johor, 24 orang klien dari Pulau Pinang, 11 orang klien masing-masing berasal dari Pahang dan Melaka, diikuti dengan 8 orang klien masing-masing datang dari Kedah dan Perak. Seterusnya, seramai 7 orang klien berasal dari Kelantan, 2 orang klien dari Negeri Sembilan, seorang dari Perlis dan selebihnya, 12 orang klien dari Terengganu. Telenisa turut menerima 19 orang klien dari Malaysia Timur iaitu seramai 13 orang klien dari Sabah, 5 orang klien dari Sarawak dan seorang dari Labuan.

---

## LOCATION

*The collected location data indicates that 99% (456) of our clients reside in Malaysia, while 3 clients (1%) contacted us from overseas. A total of 67% (309) of clients are based in the Klang Valley, where 200 of them reside in Selangor, followed by Kuala Lumpur with 105 clients and Putrajaya with 4 clients.*

*A total of 33% (147) reside in other states in Malaysia, including overseas. There are 44 clients from Johor, 24 from Penang, 11 each from Pahang and Melaka, and 8 each from Kedah and Perak. In addition, 7 clients are from Kelantan, 2 from Negeri Sembilan, 1 from Perlis, and the remaining 12 from Terengganu. Telenisa also serves 19 clients from East Malaysia, comprising 13 from Sabah, 5 from Sarawak, and 1 from Labuan.*




## PEKERJAAN

Daripada jumlah 459 klien Telenisa, sebanyak 26% klien adalah suri rumah, diikuti oleh staf sokongan sebanyak 24% dan profesional sebanyak 17%. Klien yang mempunyai pekerjaan lain-lain sebanyak 14%, klien yang bekerja sendiri dan tidak bekerja sebanyak 8% dan pelajar sebanyak 3%.

## OCCUPATION

Telenisa's clients work in various sectors. Out of 459 total clients, 26% are homemakers followed by support staff at 24%, professionals at 17% and other occupations at 14%. Self-employed clients and unemployed both came in at 8% and students were 3%.

### PEKERJAAN / OCCUPATION



## **PENDAPATAN ISI RUMAH**

59% klien kami terdiri daripada golongan B40 (golongan berpendapatan rendah), peratusan ini menurun dari 71% pada tahun 2022. Golongan B40 adalah kumpulan yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,850 sebulan. Sebanyak 24% klien dari golongan ini mempunyai pendapatan bulanan di antara RM2,500.00 hingga RM5,000.00, sementara 21% menerima gaji di antara RM1,000.01 hingga RM2,500.00 manakala 14% lagi menerima gaji kurang daripada RM1,000.00 sebulan.

Pada tahun 2023, peratusan klien Telenisa dari golongan M40 meningkat kepada 18% berbanding 15% pada tahun 2022. Golongan M40 (golongan berpendapatan pertengahan) ini menerima julat gaji di antara RM5,000 hingga RM10,970 sebulan. Dalam golongan M40 ini, sebanyak 9% terdiri daripada klien yang berpendapatan di antara RM5,001.00 hingga RM7,500.00 sebulan. Seterusnya, sebanyak 9% terdiri daripada klien pertengahan atas yang berpendapatan melebihi RM7,500.00 sebulan.


Manakala baki 23% klien kami tidak mendedahkan pendapatan isi rumah mereka.

## **HOUSEHOLD INCOME**

*59% of our clients are from B40s (low-income households not exceeding RM4,850 per month), a percentage that has dropped from 71% in 2022. 24% of clients in this group receive monthly income ranging between RM2,500.00 and RM5,000.00, while 21% earn salaries between RM1,000.01 and RM2,500.00. Additionally, another 14% receive salaries of less than RM1,000.00 per month.*

In 2023, the percentage of Telenisa clients from the M40 group increased to 18% as compared to 15% in 2022. This increase represents clients from the M40 (middle-income group) with salaries ranging from RM5,000 to RM10,970 per month. In this M40 group, 9% consist of clients earning between RM5,001.00 and RM7,500.00 per month. The remaining 9% are top-middle clients who earn more than RM7,500.00 a month. Next, 23% of our clients do not disclose their household income.

## PENDAPATAN ISI RUMAH / HOUSEHOLD INCOME



B40 (GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH/LOWER INCOME TIER)



M40 (GOLONGAN BERPENDAPATAN PERTENGAHAN/MIDDLE INCOME TIER)



TIDAK DIKETAHUI/UNDISCLOSED






## BANTUAN YANG DIMINTA


Sebanyak 86% daripada klien kami meminta khidmat nasihat guaman dan perundangan, sementara 5% lagi meminta bantuan untuk mendapatkan wakil peguam dan pandangan. Sebilangan 2% mencari tempat perlindungan yang selamat dan khidmat kaunseling.

### REQUESTED ASSISTANCE

*86% of our clients requested legal advice and consultation, while the other 5% requested assistance for lawyer representation and opinion. Two percent are looking for safe shelter and counseling.*

## **BANTUAN YANG DIMINTA / REQUESTED ASSISTANCE**





*Tiada perwakilan peguam/  
No Legal Representation*



*Ada perwakilan peguam/  
Legal Representation*

### Akses Kepada Keadilan

99% daripada klien Telenisa tidak mempunyai peguam dan hanya 1% sahaja ada diwakili oleh peguam syarie. Ini disebabkan kekangan kewangan untuk memfailkan kes di mahkamah Syariah. Tidak semua individu mampu mendapatkan khidmat peguam syarie yang berpengalaman; boleh jadi kerana kos yang tinggi atau kekurangan sumber bantuan guaman yang disediakan oleh kerajaan atau NGO. Selain itu, terdapat cabaran lain yang dihadapi oleh klien Telenisa iaitu:



## Prosedur Yang Rumit

Prosedur perundangan di mahkamah Syariah boleh menjadi sangat teknikal dan memerlukan pemahaman mendalam misalnya tentang prosedur di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Ini termasuklah pemfailan dokumen, mematuhi tatacara tertentu, dan proses yang mengambil masa yang lama. Pembuktian kes di mahkamah Syariah memerlukan bukti yang kukuh, dan dalam banyak kes, mungkin sukar untuk mengumpulkan bukti yang mencukupi, terutamanya dalam kes-kes seperti keganasan rumah tangga, penafian nafkah, curang dan kegagalan komunikasi. Di samping itu, ramai individu mungkin tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang hak-hak mereka dan proses undang-undang di mahkamah Syariah.

## Isu Bidang Kuasa Mahkamah

Mahkamah Syariah setiap negeri mempunyai bidang kuasa yang berlainan. Kes-kes tertentu seperti perkahwinan, perceraian, nafkah, dan hak jagaan anak boleh menjadi rumit apabila melibatkan pasangan yang tinggal berjauhan terutamanya lokasi tempat bekerja yang terletak jauh dari rumah kelamin. Tambahan pula, isu pemfailan kes boleh dimulakan oleh sebelah pihak menyebabkan pihak satu lagi terpaksa mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk menghadiri kes di mahkamah Syariah yang terletak jauh dari lokasi rumah kelamin.

## Kesan Emosi dan Psikologi

Konflik dalam perkahwinan akan meninggalkan kesan mendalam terhadap kesihatan serta kesejahteraan pasangan dari sudut psikologi. Isteri boleh kemurungan kerana penganiayaan dari segi emosi atau fizikal yang kerap berlaku. Penganiayaan yang berlaku juga boleh menyebabkan kemurungan kepada anak-anak. Kemuncak kepada kemurungan yang terhasil daripada peningkatan konflik perkahwinan adalah terjejasnya hubungan di antara ibu bapa dan anak sekaligus mempengaruhi perkembangan fizikal dan psikologi anak-anak mereka.

Apabila klien memulakan prosiding kes di mahkamah Syariah, terutamanya dalam kes-kes perceraian seperti tuntutan nafkah dan hak jagaan anak, ia boleh menyebabkan tekanan dan memberi kesan negatif kepada kesejahteraan emosi dan psikologi individu yang terlibat. Seterusnya, kesan emosi dan psikologi ini lebih mendalam apabila proses perbicaraan di mahkamah Syariah mengambil masa yang lama. Penangguhan yang berpanjangan boleh memberi tekanan emosi yang lebih tinggi serta kekangan kewangan kepada pihak yang terlibat.

### *Access To Justice*

*99% of our clients have no legal representative, and only 1% have a legal representative. This is due to the financial constraints to file a case in the Syariah court. Not all individuals are able to obtain the services of experienced Syarie lawyers due to the high cost or lack of resource assistance provided by the government or NGOs. In addition, there are other challenges faced by Telenisa clients:*

### **Complicated Procedure**

*Legislative procedures in Syariah courts can be highly technical and require a thorough understanding of the law and procedure such as the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 and the Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) Enactment 2003. This includes document filing, adherence to specific procedures, and lengthy processes. Proving cases in Syariah courts requires solid evidence. In many cases, it can be difficult to gather sufficient evidence, especially in cases such as domestic violence, maintenance, infidelity and failure to communicate. In addition, many individuals did not know enough about their rights and legal processes involved in Syariah courts.*

### **Court Jurisdiction Issues**

*The Syariah courts of each state have different jurisdictions. Certain cases such as marriage, divorce, maintenance, and child custody can be complicated when involving couples who live far away, especially where the workplace is located far from the marital home. Additionally, the issue of filing cases can be initiated by the parties causing the other party to incur time, energy and money to attend a case in a Syariah court located far from the location of the marital home.*

### **Emotional and Psychological Effects**

*Conflict in marriage leaves a profound impact on the health and well-being of the couple from a psychological point of view. The wife may experience depression due to emotional or physical abuse that frequently occurs. Such abuse can also lead to depression in children. The culmination of depression resulting from increased marital conflict is the deterioration of the relationship between parents and children as well as the physical and psychological development of the children.*

*When a client initiates proceedings in Syariah courts, especially in divorce cases involving claims for maintenance and custody rights, it can create stress and have negative effects on the emotional and psychological well-being of the individuals involved. Furthermore, these emotional and psychological effects deepen when the trial process in the Syariah court is prolonged. This can lead to prolonged deferral and put a higher emotional and financial strain on the parties involved.*

### ***Emotional and Psychological Effects***

*Conflict in marriage leaves a profound impact on the health and well-being of the couple from a psychological point of view. The wife may experience depression due to emotional or physical abuse that frequently occurs. Such abuse can also lead to depression in children. The culmination of depression resulting from increased marital conflict is the deterioration of the relationship between parents and children as well as the physical and psychological development of the children.*

*When a client initiates proceedings in Syariah courts, especially in divorce cases involving claims for maintenance and custody rights, it can create stress and have negative effects on the emotional and psychological well-being of the individuals involved. Furthermore, these emotional and psychological effects deepen when the trial process in the Syariah court is prolonged. This can lead to prolonged deferral and put a higher emotional and financial strain on the parties involved.*

## **STATUS PERKAHWINAN**

Data Telenisa yang dikumpulkan untuk tahun 2023 turut memaparkan status perkahwinan klien kami. Sebanyak 50% daripada klien kami telah bercerai, diikuti oleh 19% yang sudah berpisah. Kami dapati 16% klien sedang menjalani proses perceraian dan 11% klien masih berkahwin. Manakala klien yang masih bujang adalah 4%.

### **REQUESTED ASSISTANCE**

*Telenisa's data collected for 2023 also shows the marriage status of our clients. Fifty percent of our clients are divorced, followed by 19 % who are separated. We found 16 % of clients are undergoing divorce process and 11% are still married. 4% of clients are single.*

## STATUS PERKAHWINAN / MARITAL STATUS



50%

Bercerai/  
Divorced




19%

Berpisah/  
Saparated




16%

Proses Bercerai/  
In Divorced Process



11%

Berkahwin/  
Married



4%

Bujang/  
Single


## TEMPOH PERKAHWINAN

Pada 2023, 24% klien sudah berkahwin selama 4 hingga 7 tahun. Seterusnya, 22% klien sudah berkahwin di antara 1 hingga 3 tahun. Diikuti oleh 20% klien yang sudah berkahwin melebihi 10 tahun, manakala 16% klien yang pernah berkahwin selama 8 hingga 10 tahun. Seramai 12% klien tidak mendedahkan tempoh perkahwinan mereka. Klien yang baharu berkahwin kurang dari setahun adalah sebanyak 6%.

### DURATION OF MARRIAGE

*In 2023, 24% of clients have a marriage period of 4 to 7 years. 22% of clients have a marriage period between 1 to 3 years. 20% of clients have been married for more than 10 years. 16% of clients have been married for 8 to 10 years. 12% of clients did not disclose the duration of their marriage. 6% of clients are married in less than a year.*

## TEMPOH PERKAHWINAN/DURATION OF MARRIAGE



## PENGLIBATAN PERKAHWINAN POLIGAMI

Berdasarkan data Telenisa tahun 2023, sejumlah 46 klien (10%) daripada 459 klien berada dalam perkahwinan poligami, dimana 20 klien (4%) adalah isteri pertama dan 19 klien (4%) adalah isteri kedua. Seramai 7 klien (2%) iaitu suami turut menghubungi Telenisa.

Data menunjukkan tiada peningkatan perkahwinan poligami dari tahun 2022. Pada tahun 2021, 51 klien (12%) juga berpoligami, di mana 24 klien (6%) adalah isteri pertama dan 13 klien (4%) lagi adalah isteri kedua. Seramai 14 klien (6%) - suami turut menghubungi Telenisa.

Tiada klien kami yang berstatus isteri ketiga atau keempat direkodkan pada tahun 2022 dan 2023.




## INVOLVEMENT IN POLYGAMOUS MARRIAGE

In 2023, 46 clients (10%) from the 459 clients were in polygamous marriages. 20 (4%) are first wives and 19 (4%) second wives. Seven (2%) are husbands. Data shows no increase of polygamous marriages from 2022. In 2021, 51 clients (12%) were polygamous, of whom 24 clients (6%) were first wives and 13 clients (4%) were second wives. 14 male clients (6%) also contacted Telenisa on the issue of polygamy.

None of our clients are recorded as third or fourth wives in 2022 and 2023.

## **PERKAHWINAN POLIGAMI / POLYGAMOUS MARRIAGE**




## ISU-ISU BERKAITAN PERKAHWINAN POLIGAMI

Di antara kebimbangan utama yang telah diajukan oleh klien yang berada dalam perkahwinan poligami adalah suami yang tidak membayar nafkah dan peratusan yang direkodkan sebanyak 24%. Isu-isu lain yang telah diadakan termasuklah suami yang tidak memberi nafkah anak dan telah berkahwin tanpa persetujuan isteri, setiap satu direkodkan pada 17%. Selain itu, isu lain-lain adalah 14%, dan poligami yang tidak didaftarkan adalah 11%. Selain itu, ada kes suami yang melarikan diri iaitu 7%, giliran yang tidak adil di antara isteri-isteri dicatat sebanyak 6% dan perkahwinan tanpa pengetahuan isteri pada 3%.

### ISSUES CONCERNING POLYGAMOUS MARRIAGE

*Among the main concerns raised by clients in polygamous marriages are husbands who do not give maintenance, recorded at a percentage of 24%. Other issues raised include husbands who do not provide child maintenance and have been married without the consent of their wives each recorded at 17%. Other issues are recorded at 14%, unregistered polygamy is recorded at 11%. Husbands who absconded are at 7%. Finally, the unjust turn taking between wives is registered at 6% and marriage without the wives' knowledge at 3%.*





02

# HAK ISTERI

*RIGHTS OF THE WIFE*


## PERTANYAAN BERKAITAN PERCERAIAN

Tiga pertanyaan utama berkaitan perceraian sepanjang 2023 adalah Fasakh, Talaq dan Ta'liq. Pertanyaan mengenai Fasakh direkodkan tertinggi pada 44%, meningkat daripada 40% yang direkod pada tahun 2022. Pertanyaan berkenaan talaq (di mahkamah) direkodkan sebanyak 18%, manakala ta'liq pula sebanyak 15%. Jadual di bawah adalah perbandingan di antara tahun 2022 dan 2023 untuk tiga pertanyaan utama tersebut .

### DIVORCE INQUIRIES

*The three main questions related to divorce in 2023 are Fasakh, Talaq and Ta'liq. Enquiry about Fasakh is recorded at 44%, which increased from 40% in 2022. Enquiry concerning Talaq (in court) is registered at 18%, while Ta'liq is recorded at 15%. The table below is a comparison between 2022 and 2023 for the three major questions.*

### **Pertanyaan Berkaitan Penceraian / *Divorce Inquiries***




## PUNCA PERCERAIAN

Telenisa telah membuat perbandingan dari tahun 2021 sehingga 2023 untuk mengenal pasti empat punca perceraian tertinggi. Secara keseluruhannya, keganasan rumah tangga adalah punca perceraian tertinggi sepanjang tahun 2023 yang direkodkan sebanyak 20%. Keganasan rumah tangga di sini merujuk kepada corak tingkah laku yang menganiaya yang digunakan oleh satu pasangan untuk memperoleh atau mengekalkan kuasa dan kawalan terhadap pasangannya. Ini boleh menyebabkan tekanan fizikal, seksual, psikologi, sosial dan kewangan. Keganasan rumah tangga adalah satu pencabulan hak asasi manusia. Ia telah menjadi satu realiti harian bagi kehidupan ramai wanita di negara kita yang membataskan hak untuk hidup, hak terhadap keselamatan, hak untuk kesaksamaan dan hak untuk kemajuan diri.

Ini diikuti oleh para suami yang gagal memberikan nafkah iaitu sebanyak 19%, kekal sebagai satu daripada empat punca utama perceraian sejak tahun 2021.

Punca ketiga tertinggi direkodkan sebanyak 17% adalah kegagalan komunikasi. Punca ini menurun daripada 31% pada tahun 2022. Kecurangan pula dicatatkan sebagai punca keempat tertinggi iaitu sebanyak 12%, menurun sedikit daripada 13% yang dicatatkan pada tahun 2022.



## **GROUNDINGS FOR DIVORCE**

Telenisa made a comparison from 2021 to 2023 to identify the four highest causes for grounds of divorce. Overall, domestic violence is the highest grounds of divorce in 2023 at 20%. Domestic violence here is the pattern of abusive behaviour used by one partner to gain or maintain power and control over his or her intimate partner.

This can lead to physical, sexual, psychological, social and financial stress . It is a violation of human rights and has become a day-to-day reality for hundreds of women's lives in our country that limits the right to life, to security, to equality and self-development.

This is followed by husbands who failed to provide maintenance at 19%, where it remained one of four major causes of divorce since 2021.

The third highest recorded cause at 17% is a frequently occurring situation of communication breakdown. This is a decline from 31% in 2022. Infidelity is recorded as the fourth highest cause at 12%, a slight decrease from 13% by 2022.

	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>
<b>Pertama First</b>	25% Kegagalan Komunikasi Communication Breakdown	31% Kegagalan Komunikasi Communication Breakdown	20% Keganasan Rumah Tangga Domestic Violence
<b>Kedua Second</b>	23% Keganasan Rumah Tangga Domestic Violence	15% Keganasan Rumah Tangga Domestic Violence	19% Suami Tidak Memberi Nafkah Husband Did Not Provide Maintenance
<b>Ketiga Third</b>	20% Suami Tidak Memberi Nafkah Husband Did Not Provide Maintenance	15% Suami Tidak Memberi Nafkah Husband Did Not Provide Maintenance	17% Kegagalan Komunikasi Communication Breakdown
<b>Keempat Fourth</b>	11% Kecurangan Infidelity	13% Kecurangan Infidelity	12% Kecurangan Infidelity


## ISU-ISU BERKAITAN HAK ISTERI

Persoalan berkenaan tuntutan nafkah adalah yang paling kerap ditanyakan oleh klien kami. Sejumlah 52% daripada klien kami ingin tahu tentang tatacara untuk membuat tuntutan nafkah. Daripada jumlah tersebut, 39% tidak pernah memfailkan tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah. Manakala 13% lagi telah bertanya tentang tunggakan nafkah isteri yang telah mendapat perintah mahkamah, tetapi suami masih tidak menurut perintah yang telah ditetapkan oleh mahkamah. Selebihnya, 21% bertanyakan tentang harta sepencarian iaitu harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya hasil daripada sumber-sumber atau usaha mereka bersama. Seterusnya, pertanyaan berkenaan iddah adalah sebanyak 11%. Nafkah iddah ialah nafkah yang wajib dibayar kepada bekas isteri semasa tempoh iddah selepas perceraian. Isu lain yang sering ditanyakan adalah berkenaan nusyuz, iaitu sebanyak 9%. Nusyuz sering dikaitkan dengan keingkaran dan keengganan isteri terhadap permintaan atau perintah suami. Isu terakhir berkaitan hak isteri adalah Mut'ah (7%). Menurut seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, mut'ah ialah bayaran saguhati yang diberi dari segi Hukum Syarak kepada isteri yang diceraikan[1].

[1] seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 seterusnya bahawa isteri boleh memohon mut'ah selepas diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya.  
*section 58 of the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 further states that a wife may apply for mut'ah after being divorced without just cause by her husband.*

## ISSUES RELATING TO WIFE RIGHTS

Our clients most frequently ask questions regarding their right to maintenance. Approximately 52% of our clients ask about the procedures for making maintenance claim. Of these, 39% have never filed maintenance claim in Syariah courts. Meanwhile, another 13% asked about arrears of maintenance concerning maintenance orders issued but the husbands still do not comply with the court's order. The remaining 21% inquired about matrimonial property, which refers to the assets acquired during the marriage from joint sources or efforts of the spouses. Next, questions regarding iddah amount to 11%. Iddah maintenance is the obligatory financial support paid to a former wife during the iddah period after divorce. Another frequently asked issue is nusyuz, accounting for 9%. Nusyuz is often associated with a wife's refusals and reluctance towards the request or order of the husband. The final issue concerning the wife's right is Mut'ah (7%). According to Section 2 of the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003, mut'ah is the consolatory gift that is reasonable according to Hukum Syarak to a divorced wife.





## ISU-ISU BERKAITAN NAFKAH ISTERI

Berdasarkan rajah di atas, isu yang sering membelenggu klien kami adalah isu berkaitan nafkah. Sebanyak 43% daripada klien kami mendedahkan bahawa suami mereka tidak memberi nafkah yang mencukupi bagi menampung keperluan anak dan isteri. Suami juga mengharapkan isteri untuk menguruskan keperluan rumah kerana suami tidak memberi wang nafkah yang cukup.

Isu kedua yang isteri perlu hadapi adalah suami yang tidak bekerja dan direkodkan sebanyak 36%. Cabaran besar terhadap institusi kekeluargaan ialah apabila bapa yang biasanya dianggap sebagai ketua keluarga, kehilangan punca pendapatan akibat diberhentikan kerja. Keluarga mengalami kesulitan dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, bekalan elektrik dan sewa rumah. Tambahan pula, klien kami yang tidak bekerja terpaksa mengeluarkan wang simpanan sendiri dan meminjam wang ahli keluarga dan sahabat handai terdekat untuk meneruskan hidup.

Isu ketiga yang direkodkan adalah pelanggaran perintah mahkamah oleh suami atau bekas suami berkenaan nafkah (17%). Ramai suami masih gagal mematuhi perintah nafkah anak sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah. Antara kekangan yang dihadapi oleh isteri ialah tidak mahu lagi melalui sistem mahkamah yang memerlukan pemfailan perintah sampingan lain sekadar untuk mendapatkan jumlah nafkah yang kecil. Klien merasakan satu bebanan untuk sentiasa mengejar suami bagi menuntut pembayaran nafkah. Apabila perintah telah dikeluarkan, suami dengan sengaja menyekat nombor telefon isteri bagi mengelakkan isteri bertanya tentang

perintah nafkah tersebut. Ada juga yang mengambil langkah lebih drastik dengan menukar tempat kerja dan berpindah rumah bagi mengelak bertemu dengan isteri.

Isu keempat yang berkait rapat dengan nafkah ialah suami tidak langsung memberikan nafkah, direkodkan sebanyak 2%. Dalam situasi ini, isteri terpaksa menanggung sepenuhnya perbelanjaan rumah tangga seperti sewa rumah, bil utiliti, pakaian, minuman dan makanan. Ada juga klien yang mengadu suaminya hanya akan membuat pembayaran bil utiliti setelah mendapat notis terakhir.

Aduan lain-lain yang terkait dengan isu isteri pula adalah sebanyak 2%. Salah satu contoh isu lain-lain adalah suami mengawal kewangan isteri dengan memegang kad bank isteri. Isteri memberikan kepercayaan penuh kepada suami untuk menguruskan hal kewangan. Ada juga kes di mana ibu mertua yang memegang wang yang telah diberikan oleh suami dan bertanggungjawab mengagihkan perbelanjaan tersebut untuk rumah, isteri dan cucu.

---

## ISSUES REGARDING WIFE MAINTENANCE


Based on the diagram below, the issue that frequently troubles our clients relates to maintenance. 43% of our clients have revealed that their husbands do not provide adequate maintenance to cover the needs of the children and the wife. The husband also expects the wife to manage household expenses with the inadequate maintenance provided.

The second issue that clients raise concern about is unemployed husbands, recorded at 36%. A significant challenge to family institutions occurs when the father, who is regarded as the head of the family, loses his source of income as a result of being terminated. The family will struggle to meet basic needs such as food, electricity supply and rent. Additionally, our clients who are unemployed are forced to use their own savings and borrow money from family members and close friends to sustain their livelihood.

The third issue recorded is the violation of court orders by the husbands or former husbands concerning payment of maintenance (17%). Many husbands still fail to comply with court orders for child maintenance. Among the constraints faced by wives is their reluctance to go through the court system again that requires filing other additional interim applications just to obtain a minimal amount of maintenance. Clients feel burdened by the constant need to chase their husbands for maintenance payments. When orders are issued, husbands deliberately block their wives' phone number to avoid inquiries about the maintenance order. Some take more drastic steps by changing workplaces and moving houses to avoid meeting wives.

The fourth issue closely related to maintenance is that the husband does not directly provide maintenance, recorded at 2%. In this situation, the wife is forced to bear the entire household expenses such as rent, utilities, clothing, beverages and food. There are also clients who complain that their husbands will only pay the utility bills after receiving the final notice.

Other complaints relevant to wives' issues are at 2%. One example of other such issues is when the husband controls the wife's finances by holding her bank card. The wife trusts her husband completely to manage financial matters. There are also cases where the mother-in-law holds the money given by the husband and is responsible for distributing the expenses for the household, wife and grandchildren.



## CABARAN PEREMPUAN UNTUK MENUNTUT NAFKAH

Perempuan di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran apabila memfailkan kes nafkah di mahkamah Syariah. Antara cabaran utama ialah proses birokrasi yang kompleks, kesukaran mendapatkan bukti yang mencukupi serta kekurangan sokongan dan pemahaman dalam masyarakat.

